

01/08/2000

Pas kemuka tiga tuntutan

KOTA BHARU, Isnin - Pas mengemukakan tiga tuntutan kepada kerajaan bagi menyelesaikan kontroversi dan tanggapan negatif masyarakat berhubung isu rompak senjata di Kem Askar Wataniah, Grik, Perak, oleh kumpulan Al-Ma'unah yang dikaitkan sebagai ahli parti itu.

Ia terkandung dalam tuntutan bersama parti pembangkang termasuk Pas, Keadilan, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan DAP.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Noor, berkata tuntutan pertama ialah kerajaan perlu menubuhkan Suruhanjaya Diraja atau suruhanjaya bebas bagi menyiasat kejadian.

Kedua, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Barisan Nasional (BN) perlu mengadakan pertemuan dengan pemimpin parti pembangkang berhubung perkara itu.

Tuntutan ketiga, kerajaan perlu memberikan penjelasan atau taklimat berhubung isu itu kepada semua pemimpin pembangkang di Parlimen.

Beliau berkata, setakat ini parti pembangkang khususnya Pas kurang yakin dengan penjelasan kerajaan berhubung isu berkenaan berikutan kredibiliti pasukan penyiasat yang dilantik didakwa tidak bebas, terikat serta menghadapi pelbagai tekanan.

"Tiga perkara ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan sebelum memberikan penjelasan kepada seluruh rakyat berhubung isu rompak senjata oleh kumpulan Al-Ma'unah.

"Kita (Pas) bukan tidak menerima penjelasan kerajaan khususnya Perdana Menteri, tetapi banyak pengalaman lalu menyebabkan kita dan rakyat kurang percaya," katanya ketika menyampaikan ceramah di perumahan Bandar Baru Kubang Kerian dekat sini, malam tadi.

Fadzil berkata, isu berkenaan perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan memandangkan rompak senjata bukannya soal polis atau tentera sebaliknya ia adalah soal seluruh rakyat.

Beliau berkata, adalah tidak relevan kumpulan penyiasat yang dilantik di kalangan pasukan tentera dan polis memberikan taklimat serta penerangan berhubung isu itu di Parlimen tetapi hanya kepada pemimpin BN.

Katanya, pemimpin pembangkang juga perlu diberi taklimat yang sama kerana mereka juga adalah Ahli Parlimen yang dilantik oleh rakyat dan berhak membuat penjelasan jika diperlukan.

(END)